

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



EDISI 01 2022

JANUARI-MAC 2022

Berita

PASIR GUDANG BANDAR RAYA
INDUSTRI DAN PELABUHAN



Majlis APRESIASI WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG 2021

31 MAC 2022 (K
8.00

MOMENTS GLASSHOUSE
PERMAS CITY

46



EDISI DIGITAL

BERITA
MENARIK
DI DALAM



HARI
LANDSKAP
NEGARA 2022

06



MAJLIS
IKRAR BEBAS
RASUAH

08



PROGRAM
SUNGAI
MASAI

16

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Yang Berhormat Dato'
Asman Shah bin Abd
Rahman
*Datuk Bandar Pasir
Gudang*

PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin
Aliman
Setiausaha

EDITOR

LAr. Zanariah binti Kadir
*Ketua Bahagian Korporat
dan Perhubungan Awam*

PENGARANG

Tuan Haji Anuar bin
Abd Ghani
Puan Aznie Suhaila binti
Ismail

PENERBIT

Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir
Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin
Muhammad Sayut
Encik Muhammad Amirul
Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK
RMS SPECTRUM
SOLUTIONS

ISI KANDUNGAN

M/S 03	PERTANDINGAN LAMAN INDAH PASIR GUDANG 2021
M/S 06	HARI LANDSKAP NEGARA 2022
M/S 08	MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH
M/S 09	AMANAT DATUK BANDAR PASIR GUDANG
M/S 10	MAJLIS PERASMIAAN PEMBUKAAN JALAN PENGHUBUNG NUSA DAMAI – SCIENTEX, PASIR GUDANG
M/S 12	MAJLIS MENANDATANGANI SURAT CARA PENYERAHAN SISTEM KUMBAHAN AWAM IWK
M/S 14	KURSUS PENGURUSAN JENAZAH PASIR GUDANG 2022
M/S 16	PROGRAM SUNGAI MASAI – RIVER PLOGGING TAHUN 2022
M/S 18	MAJLIS PENYAMPAIAN BAUCAR CUKAI HARTA KEPADA PEMBAYAR TERAWAL PENGGAL 1/2022
M/S 20	MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG TAHUN 2021
M/S 24	MAJLIS PERSARAAN ENCIK NORDIN BIN HARON, PUAN SAWIYAH BINTI MOHD NOOR DAN ENCIK SULAIMAN BIN IBRAHIM
M/S 26	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-2 PUSPANITA MBPG 2022

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sidang Redaksi Berita DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan
tulisan dan maklum balas. Sila kemukakan kepada

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor.

Tel. : 07-2547777

Faks : 07-2515260


Laman Web : www.mbpge.gov.my

PERTANDINGAN LAMAN INDAH PASIR GUDANG 2021

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Landskap, Jabatan Kejuruteraan dan Landskap sekali lagi telah berjaya menarik penyertaan pelbagai lapisan masyarakat termasuk jabatan kerajaan dan agensi swasta di bawah pentadbirannya menyertai Pertandingan Laman Indah Pasir Gudang yang telah dianjurkan bagi tahun 2021.

Sebanyak 10 kategori premis telah dipertandingkan iaitu kategori rumah teres, rumah banglo/berkembar, rumah pangsa, sekolah rendah, sekolah menengah, institut pengajian tinggi awam/swasta, kebun

KATEGORI RUMAH BANGLO / BERKEMBAR



EN. KHAEROMZE BIN AHMAD
No 1 Jalan Dahlia 9, Bukit Dahlia, 81700 Pasir Gudang



EN. ABD LATIF BIN MAAN
No 19 Jalan Sejambak 1, Taman Bukit Dahlia, 81700 Pasir Gudang

KATEGORI RUMAH TERES



PN. MASHANIAH BINTI AHMAD
No. 23, Selasih 39, Taman Pasir Putih, 81700 Pasir Gudang.



EN. MOHD ABDUL RAHMAN BIN ARIF
No. 45 & 47, Jalan Angsana 3, Taman Rinting, 81750 Masai, Johor




EN. MOHD ABDUL RAHMAN BIN ARIF
No. 45 & 47, Jalan Angsana 3, Taman Rinting, 81750 Masai, Johor

komuniti, taman komuniti, masjid/surau/pusat pengajian islam dan bangunan swasta.

Antara objektif pertandingan yang dianjurkan adalah bagi memupuk kesedaran dan minat individu serta organisasi tentang pentingnya menjaga alam sekitar serta mewujudkan rasa kecintaan kepada keindahan, keceriaan dan kebersihan di kawasan premis yang dihuni.



KATEGORI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM / SWASTA



INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN, PASIR GUDANG
Jln. Gangsa, 81700 Pasir Gudang

KATEGORI RUMAH PANGSA



En. Ali Bin Omar
Block 3A8 SEDC Flat Taman Air Biru, 81700 Pasir Gudang

KATEGORI SEKOLAH RENDAH



SEK. RENDAH TAMAN CENDANA
Jln Persiaran Cendana, 81700 Pasir Gudang

KATEGORI KEBUN KOMUNITI



KEBUN KOMUNITI ANGSANA
Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai.

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH




SEK. MENENGAH TAMAN NUSA DAMAI
Jln. Damai Utama, Tmn Nusa Damai, 81700 Pasir Gudang




KEBUN KOMUNITI DUKU
No 17 Jalan Duku 30, Taman Kota Masai, 81700 Pasir Gudang

KATEGORI TAMAN KOMUNITI



KEBUN KOMUNITI ANGSANA

Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai.



TAMAN KOMUNITI BALAU

Jalan Balau, Taman Rinting, 81700 Pasir Gudang




KATEGORI MASJID/SURAU/ PUSAT PENGAJIAN ISLAM



SAVANNAH HILL RESORT

Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai



TANJUNG PUTERI GOLF RESORT

Jln Tanjong Puteri 1, Tanjung Puteri Resort, 81700 Pasir Gudang



KATEGORI BANGUNAN SWASTA



MASJID JAMEK JALIL HASSAN

Kg. Pasir Putih, 81700 Pasir Gudang



PUSAT ISLAM UITM CAWANGAN PASIR GUDANG

Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai



SURAU AR-RAHMAN

Jalan Mangga, Taman Kota Masai, 81700 Pasir Gudang





HARI LANDSKAP NEGARA 2022

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Lanskap, Jabatan Kejuruteraan dan Lanskap telah menjadi Johan bagi kategori *booth* paling kreatif PBT sekaligus memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM3000 bersempena penganjuran Hari Lanskap Negara 2022 bertempat di Taman Ekoflora Johor Bahru. Naib Johan di menangi oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru dan tempat ketiga disandang oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Yang

Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Mac 2022. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta diiringi oleh Puan Hajah Rotinah binti

Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Lanskap Negara, selaku penganjur program.

Bertemakan *Petal of Life “Resilient & Sustainable Garden”* MBPG telah mempersembahkan reka bentuk pentas pameran yang diinspirasikan daripada



kelopak tunggal dan pistil bunga raya sebagai Bunga Kebangsaan Malaysia.

“25 Tahun Negara Taman Terindah” menjadi tema Hari Landskap Negara ke arah kelestarian alam. Justeru taman yang kekal adalah taman yang sering dikunjungi dan dapat dinikmati bauan dan rasanya. Melalui adaptasi dari sisi landskap kejur pula, kelopak bunga tunggal ini diilustrasi melalui reka bentuk spiral bertingkat kayu palet di mana ianya adalah salah satu bahan kitar semula yang menjadi trend pembinaan komponen perabot landskap

pada waktu ini. Sentuhan ini turut mengaitkan usaha Bandar Raya Pasir Gudang sebagai Bandar Raya Industri dan Pelabuhan yang dinamik, mengambil inisiatif membentuk sebuah bandar yang lestari menekankan ciri-ciri rendah karbon di dalam era bandar pintar. Kepelbagaiannya reka bentuk memberikan idea dan ilham kepada pengunjung dengan penggunaan kayu terpakai untuk binaan perabot di rumah, kotak tanaman, kotak hiasan dan sebagainya. Bahan terpakai ini bukan hanya

mesra alam sekitar, malah ianya juga adalah bahan yang murah dan menjimatkan.

Dari sisi konsep reka bentuk landskap lembut pula ianya merujuk kepada tanaman *edible* yang diolah menjadi tanaman hiasan, keceriaan reka bentuk landskap lembut, menggunakan tanaman makanan seperti pokok serai, kunyit, terung, kobis, bayam dan kangkung bersama digayakan dengan tanaman teduhan menghijau dan pokok renek jenis berbunga.



MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH



Pihak SPRM Johor dan MBPG telah menganjurkan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang diadakan pada 2 Januari 2022 bertempat di Dewan Serbaguna, Taman Mawar, Pasir Gudang, Johor. Majlis telah dirasmikan oleh Pengarah SPRM Johor iaitu Yang Berbahagia Dato' Haji Azmi bin Haji Alias. Lafaz Ikrar Bebas Rasuah warga kerja MBPG pula telah diketuai oleh Timbalan Setiausaha MBPG iaitu Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd. Wahab dengan disaksikan oleh Pengarah SPRM Johor.

Ikrar Bebas Rasuah ini (IBR) merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sejak tahun 2017 IBR memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat

secara sukarela bagi memastikan setiap warga kerja yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhi sebarang perlakuan rasuah sepanjang berkhidmat di organisasi ini.

Majlis seterusnya telah dilengkapi dengan sesi menandatangani Ikrar Aku Janji oleh Timbalan Setiausaha MBPG dan Datuk Bandar Pasir Gudang dengan disaksikan oleh Pengarah SPRM Johor. Semua warga kerja adalah dituntut untuk menandatangani Ikrar Aku Janji bagi menzahirkan komitmen dalam membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa yang boleh menjelaskan kestabilan politik, merosakkan ekonomi serta perpaduan rakyat dalam sesebuah negara.



Majlis Menandatangani Ikrar Aku Janji



Majlis Amanat Datuk Bandar Pasir Gudang telah berlangsung pada 2 Januari 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang, Johor.

Aturcara majlis telah dimulakan dengan sesi pengenalan oleh seramai 72 orang warga kerja baru bertaraf tetap dan kontrak. Datuk Bandar Pasir Gudang turut menyantuni warga kerja MBPG dengan memberi responsif terhadap beberapa isu yang telah dibangkitkan berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan melalui atas talian.

Hasil rumusan amanat, Datuk Bandar Pasir Gudang memberi penekanan dari segi aspek luaran berkaitan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Manakala dari segi aspek dalaman, mencakupi pemerkasaan penstrukturran organisasi dan menyantuni warga kerja MBPG secara keseluruhannya.

AMANAT DATUK BANDAR PASIR GUDANG

Datuk Bandar Pasir Gudang turut berbesar hati mengumumkan dan menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Warga Kerja Terbaik kepada 14 orang penerima. Jabatan Khidmat Pengurusan telah dipilih menerima Anugerah Jabatan Terbaik. Manakala Encik Abdul Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan telah dipilih untuk menerima Anugerah Ketua Jabatan Terbaik. MBPG merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada penerima Anugerah Jabatan dan Pekerja Terbaik. Semoga penganugerahan ini akan menjadi motivasi dan inspirasi kepada seluruh warga kerja MBPG untuk sama-sama meraih kejayaan.



Amanat Datuk Bandar kepada anggota pekerja MBPG



Menyempurnakan Lafaz Ikrar Anggota Pekerja Baru MBPG



Penerima Anugerah Pekerja Terbaik Jabatan





MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN JALAN PENGHUBUNG NUSA DAMAI – SCIENTEX, PASIR GUDANG

Majlis Perasmian Pembukaan Jalan Penghubung Nusa Damai – Scientex, Pasir Gudang telah diadakan sehari sebelum tarikh sambutan Tahun Baru Cina iaitu pada 13 Januari 2022. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Turut hadir YB. Tuan Steven Choong, Ahli Parlimen Tebrau, Tn. Hj. Baharuddin Mohamed Taib selaku Ketua Whip, Ahli-Ahli Majlis dan En. Sew Boon Kang Pengurus Projek Bahagian Selatan, Scientex Quatari Sdn Bhd serta Ketua-ketua Jabatan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.





Dengan pembinaan dan pembukaan jalan penghubung sepanjang 1.3 km ini dijangka akan mengurangkan sebanyak 30% kesesakan aliran trafik di Jalan Persiaran Scientex dan seterusnya di Jalan Persiaran Damai. Manakala kenderaan dari arah Scientex, Taman Cahaya Masai dan Iskandar Halal Park ke Johor Bahru akan lebih lancar melalui jalan baru ini tanpa melalui beberapa persimpangan lampu isyarat di Jalan Persiaran Damai.

Pembinaan jalan penghubung ini telah melibatkan kos perbelanjaan sebanyak RM6.7 juta dimana sebahagiannya ditanggung oleh pihak pemaju iaitu Scientex Quotari Sdn Bhd sebanyak RM2.8 juta manakala selebihnya RM3.9 juta dibiayai MBPG bagi mempercepatkan proses pembinaan. Sebahagian kos tersebut akan dituntut melalui pemaju Nusa Damai. Pembinaan jalan ini telah mengambil masa selama setahun sebulan iaitu bermula projeknya pada 1 Januari 2021 dan siap sepenuhnya pada 31 Januari 2022.





MAJLIS MENANDATANGANI SURAT CARA PENYERAHAN SISTEM KUMBAHAN AWAM IWK

Permulaan inisiatif bagi kerjasama strategik Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan Malaysia bagi pengambilalihan sistem kumbahan awam Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah bermula pada pertengahan tahun 2020.

Melalui perancangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah menetapkan anak syarikat penuh kerajaan negeri, Johor Special Water (JSW) bagi mengambil alih tugas penyelenggaraan loji rawatan kumbahan awam daripada PBT. Cadangan diteruskan dengan perancangan serta perinciannya, manakala mewakili kerajaan persekutuan pula Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) iaitu syarikat milik Kementerian Kewangan

Diperbadankan dan agensi di bawah kawal selia Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Kerjasama strategik ini telah dipersetujui secara rasmi pada penghujung Jun 2021 melalui ketetapan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor (MMK). 11 Oktober 2021 menyaksikan satu perjanjian kolaborasi pengambilalihan telah ditandatangani bersama oleh Ketua Pegawai Eksekutif JSW, Tn. Hj. Zulkiflee Hj. Abas dan Ketua Pegawai Eksekutif IWK, En. Narendran Maniam. Majlis turut disaksikan oleh YB. Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) dan YAB Datuk Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor.



Pada 1 Disember 2021 merupakan tarikh berkuatkuasa pengoperasian dan penyelenggaraan kumbahan awam diserah kepada IWK oleh MBPG yang melibatkan 43 unit aset loji kumbahan awam dan paip saluran pembetungan sepanjang 155 km. Pengambilalihan ini juga melayakkan MBJB dan MBPG memperoleh geran daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah anggaran RM 97 juta bagi meningkatkan tahap perkhidmatan pembetungan seperti baik pulih loji, sistem penyaluran dan pembinaan rawatan kumbahan berpusat.

Seterusnya satu majlis Menandatangani Surat Cara Penyerahan Sistem Kumbahan Awam antara MBPG dan pihak IWK telah termeterai pada 13 Januari 2022 bertempat di Dynamic Lounge, Aras 4, Menara Aqabah. MBPG telah diwakili oleh En. Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang, manakala pihak IWK diwakili oleh En. Narendran Maniam selaku Ketua Pegawai Eksekutifnya. Turut hadir menjayakan majlis, Tn. Hj. Baharudin bin Mohamed Taib, Ketua Whip Ahli Majlis MBPG dan Tn. Hj. Zulkiflee bin Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif, Johor Special Water.

Diharapkan melalui kolaborasi ini, mutu dan kualiti perkhidmatan pembetungan khasnya dari aspek pematuhan kepada standard pelepasan efluen terawat Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kualiti perkhidmatan dapat ditingkatkan. Inisiatif ini juga dijangka dapat mengurangkan pencemaran sumber air oleh efluen yang tidak dirawat dengan sempurna ke atas 18 sungai utama termasuk Sungai Skudai, Sungai Kim-Kim dan Sungai Masai.



MBPG berkeyakinan dengan adanya sinergi antara IWK dan JSW serta sokongan daripada kerajaan persekutuan dan negeri, langkah pemodenan sistem perkhidmatan pembetungan di MBJB dan MBPG secara khususnya dan di Johor secara amnya dapat dicapai selari dengan aspirasi yang digariskan dalam Agenda Transformasi Sektor Air Negara 2040, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Semoga kerjasama ini secara langsung akan turut mengurangkan segala aduan berkaitan dan dapat mewujudkan kesejahteraan mutlak kepada seluruh penduduk dan pelanggan yang kini menaruh harapan yang tinggi terhadap perkhidmatan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



KURSUS PENGURUSAN JENAZAH PASIR GUDANG 2022



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah Pasir Gudang pada 27 Februari 2022 bertempat di Masjid Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, Johor. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh En. Abdul Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang. Kursus ini turut dihadiri oleh Tn. Hj. Ab Aziz bin Abdullah, Ahli Majlis MBPG, Zon Seri Alam 1 dan Tn. Hj. Mohd Saifuddin bin Salehuddin, Pengerusi Masjid Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, Johor.





Yang Berbahagia En. Mohd Afiq bin Abd Rahman dari Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru telah dijemput sebagai penceramah dan pemudah cara kepada para peserta. Seramai 85 orang peserta daripada golongan belia dan komuniti daripada 24 Zon Pasir Gudang berumur di antara 18 tahun hingga 40 tahun telah berjaya mengikuti kursus dengan jayanya.

Di antara objektif kursus ini dianjurkan adalah bagi memberi pendedahan bagaimana cara-cara pengurusan jenazah yang betul dan sempurna. Selain itu, manfaatnya dapat menambah ilmu pengetahuan dan kefahaman kepada golongan belia, komuniti dan masyarakat Islam mengenai pentingnya pendidikan dan ilmu pengetahuan dalam menguruskan ilmu fardhu kifayah secara bersistematis dan profesional khususnya kepada para pelapis yang akan mengambil alih tugas tersebut pada masa akan datang.



PROGRAM SUNGAI MASAI

- RIVER PLOGGING TAHUN 2022

Sungai merupakan sumber rezeki kepada komuniti dan Sungai masai, Pasir Gudang sering dikaitkan dengan isu pencemaran dan mengancam kehidupan laut serta menyekat sumber mata pencarian rezeki bagi komuniti sekitarnya.

MBPG melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat pada 20 Januari 2022 yang lalu telah mengambil inisiatif menganjurkan program ‘River Plogging’ khusus terhadap Sungai Masai.

Pelbagai jabatan dan pihak sukarelawan telah dilibatkan antaranya pegawai-pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), komuniti dan masyarakat sekitar, ahli-ahli Persatuan Nelayan Johor Selatan, *Southern Volunteer* serta anggota pekerja MBPG.





Program telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tn. Hj. Mohd Yusof bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha, MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang. Majlis ini turut dihadiri oleh Tn. Hj. Baharuddin bin Mohamed Taib, Ketua Whip, En. Mohd Azizi, bin Mohmad, Ahli Majlis Zon Rinting 2, En. Mohd Rashdan bin Topa, Timbalan Pengarah (Operasi 1) Jabatan Alam Sekitar, Pn. Norlida binti A. Manaf, Pengarah Korporat Southern Power Generation Sdn Bhd dan En. Azli bin Mohd Aziz, Pengurus Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan.

Seramai hampir 100 orang sukarelawan yang terdiri daripada Southern Volunteer, anggota pekerja Jabatan Pengairan Dan Saliran, Unit Tindakan Khas MBPG, pelajar Latihan Industri MBPG, komuniti dan masyarakat sekitarnya. Program Sukarelawan ini turut disokong dengan 40 buah bot-bot kecil yang dibekalkan oleh Persatuan Nelayan Wilayah Selatan bagi tujuan kerja-kerja pembersihan di perairan sungai.

Kerja-kerja telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu satu kumpulan melakukan pembersihan di persisiran tebing sungai dan sebahagian lagi melaksanakan pembersihan di perairan Sungai Masai.

Program ini secara keseluruhannya telah berjaya mengumpul kutipan sampah seberat 1450 kg sepanjang program berlangsung. Tahniah kepada semua yang terlibat.



MAJLIS PENYAMPAIAN BAUCAR CUKAI HARTA KEPADA PEMBAYAR TERAWAL PENGGAL 1/2022

Majlis Penyampaian Baucar Cukai Harta kepada Pembayar Terawal Penggal 1/2022 telah dianjurkan pada 30 Mac 2022 bertempat di Dynamic Lounge Aras 4, Menara Aqabah, MBPG. Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Penilaian Harta dan Pesuruhjaya Bangunan yang telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang.

Majlis turut dihadiri oleh En. Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG dan Tn. Hj. Sr. Dr. Mohamed Ali bin Mohamed Abu Backer, Ketua Jabatan Penilaian Harta dan Pesuruhjaya Bangunan, Ketua-ketua Jabatan serta pengusaha-pengusaha industri.

Cukai harta merupakan sumber pendapatan utama kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan tidak terkecuali Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Justeru, majlis yang dianjurkan adalah bagi menghargai pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai yang konsisten. MBPG telah menyediakan sebanyak 4,060 cenderahati kepada pembayar terawal berupa *powerbank*, payung dan bekas makanan jenama Tupperware. Sebagai tanda penghargaan, MBPG juga telah memberikan baucar rebat cukai harta kepada yang telah menjelaskan cukai harta dan penyumbang kepada penurunan jumlah tunggakan cukai MBPG.



Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada 20 penerima baucar cukai yang disenaraikan sebagai pembayar cukai yang konsisten sehingga 1 Mac 2022 yang lalu.

Antara penerima-penerima baucar cukai bagi Kategori Perindustrian ialah Johor Port Bhd, Bahru Stainless Sdn Bhd, Dialog Terminal Langsat (1) Sdn Bhd, Malaysia Marine And Heavy Engineering Sdn Bhd, MSM Malaysia Holdings Berhad, Evyap Sabun (M) Sdn Bhd, Malaysian Sheet Glass Sdn Bhd, Lotte Chemical Titan (M) Sdn Bhd, ASM

Technology (M) Sdn Bhd, Asiaflex Products Sdn Bhd, dan Kiswire Co. Sdn Bhd dengan jumlah baucar cukai bernilai RM60,000.00 setiap satu.

Penerima Kategori Perdagangan iaitu Keck Seng (M) Bhd, Pasir Gudang Specialist Hospital Sdn Bhd, Pacific Trustees Berhad, Sun Rock Development Sdn Bhd dan Adamin Corporation Sdn Bhd menerima baucar cukai bernilai RM25,000.00 setiap satu.

Seterusnya bagi Kategori Pertanian pula ialah Kulim (M) Bhd, Keck Seng (Malaysia)

Berhad, Tanah Masai Sdn Bhd, Seri Alam Properties Sdn Bhd dan ASM Green Sdn Bhd menerima baucar cukai bernilai RM15,000.00 setiap satu.

Semoga dengan pemberian insentif penghargaan ini dapat memberi galakan yang berterusan kepada pembayar cukai di kawasan pentadbiran Pasir Gudang untuk terus melaksanakan tanggungjawab membayar cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan.





MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG TAHUN 2021

MBPG telah menganjurkan Majlis Apresiasi Warga Kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang Tahun 2021 pada 31 Mac 2022 bertempat di Moments Glasshouse Permas City, Permas Jaya, Johor Bahru. Majlis telah diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman Datuk Bandar Pasir Gudang, sekaligus telah sudi menyampaikan ucapan dan membentangkan laporan pencapaian prestasi anggota pekerja MBPG bagi tahun 2021.

Antara penerima Anugerah Penghargaan Perkhidmatan 30 Tahun



Antara penerima Anugerah Penghargaan Perkhidmatan 25 Tahun



Antara Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021



Majlis bertemakan “*Elegant & Glam*” ini telah dihadiri oleh kira-kira seramai 600 orang warga kerja MBPG bertaraf tetap, kontrak dan MySTEP. Manakala seramai 8 orang warga kerja MBPG telah diraikan dengan menerima Anugerah Setia Perkhidmatan di atas perkhidmatan selama tempoh 30 tahun dan seramai 7 orang menerima Anugerah Setia Perkhidmatan bagi tempoh 25 tahun berkhidmat.

Pihak pengurusan MBPG juga telah mengiktiraf seramai 40 orang yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan seramai 62 orang menerima Sijil Penghargaan. Selain itu majlis turut diceriakan dengan persembahan Kumpulan Keroncong MBPG serta acara Cabutan Bertuah. Tahniah diucapkan kepada penerima-penerima anugerah bagi tahun 2021.

Antara penerima Anugerah Sijil Penghargaan Tahun 2021



Antara pemenang bagi sesi Cabutan Bertuah



Pemenang Pertandingan King & Queen Of The Night



Sekalung Tahniah

SENARAI PENERIMA ANUGERAH DI MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA MBPG

TAHUN 2021

PENERIMA CENDERAHATI PERKHIDMATAN 30 TAHUN

1	Tuan Hj Hamidon Bin Abd Majid
2	Puan Hjh Norlina Binti Muhammad
3	Tuan Hj Mohamad Fauzi Bin Nyamin @ Hj Nyamin
4	Encik Omar Bin Mohd Saleh

5	Tuan Hj Nasikan Bin Karnadi
6	Encik Md Fauzi Bin Salamon
7	Tuan Hj Anuar Bin Abd Ghani
8	Encik Basar Bin Kallil

PENERIMA CENDERAHATI PERKHIDMATAN 25 TAHUN

1	Puan Zanariah Binti Mohd Basri
2	Puan Nurazura Binti A Rahman
3	Puan Royati Bin Bujang
4	Puan Rohazalina Binti Othman

5	Puan Sapariah Binti Suleiman
6	Tuan Hj Yusri Bin Ali
7	Encik Roslan Bin Jahari

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021

1	Encik Abdul Malek Bin Mohamed
2	Encik Muhammad Razif Bin Ramlan
3	Encik Nur Salihin Bin Salahuddin
4	Puan Zanariah Binti Hj Mohd Basri
5	Puan Salleha Binti Abd Muthalif
6	Puan Aznie Suhaila Binti Ismail
7	Puan Nor Zakiah Bin Ismail
8	Puan Rosmahwati Binti Kamardin
9	Puan Norlin Binti Mohd Yusoff
10	Puan Noorul Azhani Binti Mohd Salleh
11	Encik Mohd Hafiz Bin Abd Hamid
12	Puan Hjh Suraya Binti Shariff
13	Puan Nuramira Fateha Binti Mohd Amir
14	Encik Mohamad Azri Bin Mohamad Zain
15	Puan Hazira Binti Abd Kadir
16	Encik Mohd Khairuldin Bin Salikin
17	Encik Muhamad Jefri Bin Husin
18	Encik Mohd Fadly Bin Daud
19	Encik Farhan Nurakmal Bin Zahari
20	Cik Nadiah Binti Sallim
21	Encik Mohd Dalik Bin Hamzah

22	Puan Siti Zaleha Bin Md Ghazali
23	Encik Mohamad Hairul Amry Bin Subhai
24	Encik Norfizarrudin Bin Mohd Zin @ Mohd Affendi
25	Encik Mohamad Syahmi Bin Sapar
26	Encik Mohamad Esa Bin Abdul Rani
27	Encik Saidi Bin Sarpin
28	Puan Norlela Binti Ahmad
29	Cik Nur Fatihah Binti Mohd Yusof
30	Encik Md Fauzi Bin Salamon
31	Puan Alimatul Sa'adah Binti Fathul Ariffin
32	Encik Nurddin Bin Jusoh
33	Encik Ungku Muhammad Azfar Bin Ungku A Bakar
34	Encik Mohamad Haziq Bin Sa'adon
35	Encik Muhammad Hazim Bin Zulkiflee
36	Encik Rozli Bin Mohamad
37	Encik Muhammad Syauqi Irfan Bin Abdullah
38	Encik Zulkifli Bin Mustafa
39	Encik Mohd Yazid Bin Yusof
40	Cik Zainab Binti Mohd Darin

SENARAI PENERIMA ANUGERAH DI MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA MBPG
TAHUN 2021

PENERIMA SIJIL PENGHARGAAN TAHUN 2021

1	Tuan Hj Nor Rahman Bin Mustaffa
2	Puan Hajjah Rahmah Binti Mahmood
3	Encik Nik Masri Bin Moharani
4	Cik Azura Shahira Binti Azahar
5	Puan Nur Shafieka Binti Ramli
6	Puan Kamilah Bini Salim
7	Encik Isha Bin Alias
8	Encik A. Aziz Bin Ahmad Mansor
9	Encik Muhammad Nasrulhaziq Bin Zaaba
10	Puan Nur Fajratulnadwa Binti Azman
11	Encik Mohamad Syazni Bin Kamsani
12	Encik Muhammad Ismat Bin Salleh
13	Encik Mohd Fakharuddin Bin Kamari
14	Puan Haniza Binti Marwan
15	Puan Hafizah Binti Daud
16	Puan Noraini Binti Osman
17	Puan Nor Fadzlina Binti Md Ehwan
18	Puan Nurulain Binti Ramlee
19	Encik Mohd Amirul Bin Rezali
20	Cik Nadiah Binti Sallim
21	Cik Nur Aireen Binti Mohammad Nor
22	Puan Siti Aisyah Binti Asmadi
23	Encik Mohamad Indera Bin Rosle
24	Puan Neeta Farina Binti Mohd Rizal
25	Puan Nor Hayati Binti Mahmood
26	Encik Fa'iz Haziq Bin Abdul Aziz
27	Encik Md Basry Bin Bakri
28	Encik Muhamad Izwan Bin Saineel
29	Puan Hjh Nor Azizah Binti Mahamud
30	Encik Muhammad Nur Hafiz Bin Neemat
31	Puan Shahrul Azuana Bin Abdul Rahman

32	Encik Mohamad Shahrir Bin Ahmad
33	Puan Norazmah Binti Mohd Yasin
34	Encik Zuhaili Bin Omar
35	Encik Mohamad Raffee Bin Othman
36	Encik Azmeer Bin Mohamad
37	Encik Muhamad Sani Bin Safri
38	Encik Mohd Ridzwan Bin Ramli
39	Encik Mohamad Azizi Bin Azhar
40	Encik Muhammad Firdaus Bin Shafiee
41	Encik Mohamad Nasri Bin Zulkifli
42	Encik Muhammad Syukri Bin Mohd Shariff
43	Encik Sulaiman Bin Ibrahim
44	Encik Fazlizan Bin Parmin
45	Encik Mohd Asri Bin Mohd Shah
46	Encik Mohd Rashid Bin Sari
47	Encik Mohammad Shaiful Bin Husain
48	Encik Mohamad Shakirin Bin Johan
49	Encik Mohd Khir Bin Mohd Dom
50	Encik Musa Bin Lokman
51	Encik Mohd Hanafe Hafis Bin Mohd Amin
52	Encik Alias Haris Chia Bin Abdullah
53	Encik Mohd Ezwan Bin Ilias
54	Encik Mohd Hafiz Bin Atan
55	Encik Hizamullah Bin Mohamad
56	Encik Hasan Bin Ismail
57	Encik Muhd Hakim Hailwani Bin Abdul Aziz
58	Encik Abdul Rahim Bin Zamrin
59	Puan Faradila Binti Rosnan
60	Encik Mohd Syafuan Bin Riduwan
61	Puan Intan Syafinaz Binti Saien
62	Encik Rozaiman Bin Roslan

MAJLIS PERSARAAN ANGGOTA PEKERJA MBPG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah meraikan tiga orang warga kerja melalui penganjuran Majlis *Thumbprint Terakhir* yang telah diadakan pada 27 Januari dan 21 Mac 2022 bertempat di Dynamic Lounge Aras 4, Menara Aqabah, MBPG.

Pada 27 Januari 2022, dua orang warga kerja telah diraikan iaitu En. Nordin bin Haron daripada Jabatan Pelesenan yang telah memulakan kerjaya di MBPG sejak 6 September 1983 dan telah bersara wajib pada 5 Februari 2022. Manakala, Pn. Hjh. Sawiyah binti Mohd Noor daripada Jabatan Kejuruteraan dan Landskap memulakan kerjaya pada 1 Januari 2004 dan telah bersara wajib pada 28 Januari 2022.





En. Sulaiman bin Ibrahim daripada Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial pula telah diraikan pada 21 Mac 2022 setelah 41 tahun berkhidmat di MBPG. Beliau memulakan kerjaya di MBPG pada 1 Mac 1981 dan telah bersara wajib pada 22 Mac 2022.

MBPG sentiasa prihatin dan mengiktiraf dengan memberikan penghargaan kepada warga kerja yang telah menyumbang khidmat bakti yang tidak berbelah bagi sepanjang dalam perkhidmatan. Setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di MBPG. Selamat menempuh alam persaraan dan didoakan agar mereka sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah S.W.T.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-2 PUSPANITA MBPG 2022

Puspanita Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-2 pada 22 Mac 2022 bertempat di Auditorium Dahlia, Aras 3, Menara Aqabah. Majlis telah disempurnakan oleh Puan Mirsha Leia Ixora binti Suratmin selaku wakil rasmi YB. Tn. Haji Baharudin bin Mohamed Taib, ADUN Permas. Majlis dihadiri oleh YDh. Datin Halimah binti Mohamed Rasip, Pengurusi Puspanita Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Puan Sharifah Amariah binti Ahmad Jailani, selaku Timbalan Pengurusi serta barisan Ahli Jawatankuasa Puspanita MBPG 2021/2023.

YB. Dato' Haji Mohamad Hadi Putera bin Halim telah dijemput khas bagi menyerikan program dengan menyampaikan ceramah yang bertemakan Sambutan Hari Wanita Sedunia yang disambut pada setiap 8 Mac.



Antara kandungan agenda mesyuarat adalah membentangkan Laporan Penyata Kewangan sehingga tahun 31 Disember 2021 dan laporan bagi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Majlis telah di akhiri dengan meraikan ahli-ahli Puspanita yang menyambut Hari Kelahiran pada bulan Februari.





MALAYSIA MULA BERALIH KE FASA ENDEMIK

BERMULA 1 APRIL 2022

Fasa "peralihan ke Endemik" ini membolehkan negara kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal selepas hampir 2 tahun berperang dengan COVID-19



Pemilik premis perniagaan dibenarkan menetapkan waktu operasi mengikut syarat lesen perniagaan mereka.



Daftar masuk menggunakan MySejahtera kecuali kawasan luar seperti taman awam.



Solat jemaah di masjid & surau/ upacara sembahyang di rumah ibadat dibenarkan tanpa penjarakan fizikal. namun SOP tertakluk kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri.



Had kapasiti 50% bagi aktiviti perkumpulan ramai dimansuhkan, namun penjarakan fizikal adalah sangat digalakkan.

PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



IMBAS



FACEBOOK MBPG



IMBAS



LAMAN SESAWANG MBPG



IMBAS



INSTAGRAM MBPG



IMBAS



SALURAN ADUAN SISPA